

DAP

Cetakan pertama: ... Mei, 1990

© Nusantara Publishing Sdn. Bhd.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.

Penerbit:

NUSANTARA PUBLISHING SDN. BHD.
Suite 9.3, Tingkat 9, Wisma On-Tai,
161, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2613945, 03-2613946. Fax: 2617826

Pencetak:

THE COMMERCIAL PRESS SDN. BHD.
No. 6, Jalan SR 4/18, Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan, Selangor D.E.

M\$2.50

539669

17
324-25950
AWA

11

4 OCT. 1990
Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

Kata pengantar	V
✓ DAP bukan sekadar pembangkang	1
DAP mahu jumlah pengundi disamakan	7
DAP kutuk Tengku Razaleigh	11
DAP saman Tengku Razaleigh	17
Karpal Singh saman Sultan Selangor	25
ADUN DAP enggan angkat sumpah	29
✓ DAP tolak Islam	35
✓ Pelbagai bahasa dan kebudayaan	41
DAP sokong Universiti Merdeka	45
DAP pertahan pelajaran Cina	49
✓ DAP tolak tulisan jawi	55
5,000 berarak tentang DAP	59
✓ DAP menentang DEB	63
✓ DAP menentang Bumiputera	73
DAP mahu kekalkan pelarian Vietnam	75
Bukit Cina: DAP halang Kerajaan Melaka	81
Kesimpulan	85

tiada harapan dalam bidang ekonomi, malah kuasa politik mereka juga akan tamat di bawah landasan satu konsep yang menguntungkan kaum yang sudah maju.

Namun begitu, ini tidak menyedarkan pemimpin-pemimpin Melayu termasuk yang pernah berada dalam *UMNO*, sehingga mereka sanggup menjalin kerjasama dengan *DAP* bagi menjatuhkan *Barisan Nasional*. Jatuhnya atau kurangnya kuasa kerajaan *UMNO*, bererti segala yang ada di dalam negara ini akan turut berubah dengan orang Melayulah mengalami kerugian yang paling besar.

Pemimpin-pemimpin *Semangat 46* itu sendiri juga akan menerima padah.

Maka di sini didedahkan sifat *DAP* yang sebenar, terbit daripada kata-kata dan tindakan pemimpinnya yang merupakan '*unrepentant chauvinists*' dan seratus peratus menentang kepentingan Melayu-Islam.

Kerjasama *Semangat 46* dijangka tidak akan mengubah matlamatnya untuk menubuhkan sebuah masyarakat 'sama rata' yang pada hakikat sebenarnya akan menguatkan kedudukan bukan Melayu di tanahair.

Awang Bongsu
Taman Keramat,
Kuala Lumpur
Mei, 1990

DAP BUKAN SEKADAR PEMBANGKANG

DAP dikenali sebagai parti pembangkang yang cuba membetulkan kesilapan-kesilapan kerajaan. Tetapi bukan setakat itu. Tanda-tanda menunjukkan ia ingin berkuasa atau sekurang-kurangnya berkongsi kuasa dengan parti-parti lain, dengan dirinya memainkan peranan penting demi menjayakan beberapa matlamatnya.

(Dengan kuasanya itu dan matlamatnya yang tidak berubah, ia lebih merbahaya daripada parti-parti bukan Melayu di dalam *Barisan Nasional* yang akur kepada dasar-dasar kerajaan.)

Selama ini, *DAP* tidak senang dengan sebuah kerajaan yang berteraskan kepemimpinan Melayu, baik dalam politik atau dalam pentadbiran.

Ia selalu mendesak supaya pegawai-pegawai kerajaan terdiri dari pelbagai kaum, tidak khusus kepada orang-orang Melayu, kononnya jika berlaku kelemahan di dalam pentadbiran, pegawai-pegawai dari pelbagai kaum itu dapat